



MSM bida projek RM5.45 juta di Indonesia

» Syarikat komited tingkat aktiviti hulu gula jadi antara pengeluar terbesar

Oleh Ahmad Fiesal Othman

MSM Malaysia Holdings Bhd sedang membida projek hulu gula di Indonesia bernilai AS\$1.3 juta (RM5.45 juta).

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Sheikh Awab Sheikh Abod, berkata bidaan itu membabitkan kilang milik PT Perkebunan Nusantara X bagi tujuan kontrak bina, urus dan pindah (BOT).

Beliau berkata, usaha itu strategi meningkatkan aktiviti hulu syarikat dalam usahanya menjadi antara lima pengeluar gula terbesar di Asia

menjelang tahun 2020.

"Selain MSM, ada empat lagi syarikat dari luar negara turut mengemukakan bidaan," katanya selepas majlis memeterai perjanjian pembinaan, reka bentuk dan pemerolehan kejuruteraan (EPCC) bagi pembinaan kilang penapisan gula ketiganya di Kuala Lumpur, semalam.

Kuasai pasaran

MSM, syarikat yang mengendalikan perniagaan gula milik FELDA Global Ventures Holdings Bhd ialah peneraju gula bertapis terbesar di Malaysia

dengan penguasaan pasaran sebanyak 64 peratus.

Kilang penapisan gula ketiga MSM yang juga terbesar di Malaysia itu membabitkan pelaburan AS\$259 juta (RM1.08 bilion).

EPCC kilang penapisan ketiga MSM itu dimeterai antara MSM dengan Sharkara International (FZC), syarikat bersekutu Sutech Engineering Co Ltd dari Thailand membabitkan kontrak AS\$97.5 juta (RM408.5 juta) sebagai kontraktor utama bagi pembinaan kilang itu.